

07/11/2003

Koleksi ucapan Dr M diedar ke SJKT

KUALA LUMPUR: Sebanyak 550 buku koleksi ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad berjudul `Islam and the Muslim Ummah' yang diterjemah ke bahasa Tamil akan diedarkan ke semua Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara.

Pengerusi Yayasan Pendidikan Islam, Datuk Mohamed Iqbal, berkata pendedaran buku yang mengandungi 29 teks ucapan bekas Perdana Menteri itu bertujuan dijadikan bahan bacaan di perpustakaan sekolah terbabit.

Katanya, buku itu diterjemah oleh seorang pensyarah universiti di India, Prof Nazir Ali, untuk memberi peluang kepada generasi muda memahami pemikiran Dr Mahathir sebagai tokoh yang berjaya membangunkan Malaysia.

"Menerusi buku ini mereka dapat memahami Islam bukan agama yang kuno serta tidak menghalang kita meneruskan usaha untuk mencapai kemajuan dalam sesuatu bidang," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan buku berkenaan kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad di Kementerian Pendidikan, semalam.

Buku itu mengandungi koleksi ucapan Dr Mahathir yang disampaikan akhir 1990-an hingga persidangan Pergerakan Negara Berkecuali yang berlangsung di ibu negara tahun ini.

Mohamed Iqbal mengakui jumlah buku yang diedarkan itu hanya boleh menampung satu naskhah bagi setiap sekolah.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan pihak yang berminat untuk menaja percetakan buku berkenaan supaya bilangannya dapat ditambah sekurang-kurangnya lima naskhah bagi sebuah sekolah.